

'Bandar siber tidak harus bersaing'

KULIM: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu setiap bandar siber dan pusat siber di negara ini memberi keutamaan kepada bidang yang menjadi kepakaran masing-masing bagi mengelak mereka bersaing sesama sendiri.

Selain itu, Perdana Menteri juga mahu supaya kepakaran yang dimiliki sesebuah bandar atau pusat siber di negara ini digunakan untuk membangunkan kepakaran khusus lain Untuk meneroka bidang baru.

"Walaupun kerajaan meluaskan Koridor Raya Multimedia (MSC) dan membangunkan koridor pertumbuhan ekonomi bersepadu, industriteknologi maklumat dan komunikasi (ICT) di kawasan ini tidak seharusnya bersaing sesama sendiri.

"Oleh itu, adalah wajar bagi setiap 'cybercity' dan 'cybercenter' memberi penekanan dan tumpuan kepada bidang yang menjadi 'niche' (kepakaran khusus) mereka sendiri," kata-

nya berucap melancarkan MSC Malaysia Cybercity @ Kulim High Tech Park (KHTP) di Kulim Golf and Country Resort di sini, semalam.

Abdullah memberi contoh MSC Malaysia Cyberport Johor yang mempunyai kelebihan dalam bidang penyumberan luar, e-logistik dan pembangunan perisian manakala

FAKTA NOMBOR

MSC Malaysia Cybercity KHTP

36

Bilangan syarikat beroperasi

RM20b

Nilai pelaburan

MSC Malaysia Cybercenter di MITC, Melaka pula mempunyai kelebihan dalam bidang e-perdagangan dan bio-informatik.

"Memandangkan Wilayah utara Semenanjung, khususnya Kedah terkenal sebagai pusat pertanian, tidak hairanlah jika antara kepakaran khusus yang boleh dibangunkan di KHTP adalah bidang pembuatan dan industri asas tani berteraskan teknologi tinggi dan ICT," katanya.

Perdana Menteri berkata, pemberian status bandar siber kepada KHTP akan menarik lebih banyak syarikat besar untuk melabur di kawasan berkenaan.

Dengan status itu, katanya, syarikat berstatus MSC Malaysia yang menggunakan kemudahan dan prasarana di KHTP akan diberi insentif dalam bentuk 10 bil jaminan.

"Saya yakin insentif ini menjadi daya penarik untuk lebih ramai pelabur menanam modal di KHTP," katanya.